

## Motif Manusia Dalam Pola Hias Keranda Kayu Balak Di Sabah

Yunus Sauman Sabin, Adnan Jusoh,  
Wan Noorlizawati Wan Mat Ali & Zuliskandar Ramli

### Abstrak

---

Keranda kayu balak merupakan wadah utama dalam pengebumian masyarakat Orang Sungai dan Subpan. Pada masa yang sama keranda kayu balak juga menjadi wadah untuk mengekspresi cara fikir, sistem nilai, falsafah dan juga seni budaya dalam masyarakat tempatan di Sabah. Sebab itulah kita dapat lihat banyak keranda yang mempunyai pola hias ukiran sama ada dalam bentuk figura mahupun ukiran gambar. Antara motif yang seringkali digunakan ialah motif flora, zoomorfik, geometrik, stailistik dan anthropomorfik. Dalam kajian ini, kami memberi tumpuan terhadap motif manusia. Antara aspek yang dibincangkan ialah tipologi polahias dan maknanya. Memandangkan aspek ini mempunyai variasi yang nyata, memungkinkan bahawa terdapat makna tersirat yang dibawa oleh pengukir. Justeru aspek yang lebih penting dalam kajian ini ialah melihat hubungkait antara motif polahias manusia dengan aspek pemikiran masyarakat pengamal tradisi tersebut di Sabah. Hasilnya pengkaji mendapati bahawa terdapat hubungan yang rapat antara ukiran tersebut dengan sebahagian daripada cara hidup masyarakat pengamalnya. Dengan kata lain, ukiran tersebut merupakan rakaman tidak bertulis mengenai sejarah, falsafah, sistem nilai dan cara fikir mereka. Dengan itu kajian ini merupakan kajian yang memberi sumbangan besar kepada usaha mentafsir sebahagian sejarah silam masyarakat pribumi di Sabah sebelum kehadiran kuasa Barat.

---

**Kata kunci:** keranda kayu balak, motif, Sabah

### Abstract

---

Log coffin serves as main tool in Orang Sungai and Subpan funeral's rites. At the same time the coffins fit the purpose as platform to express way of thoughts, value systems, philosophy, and the arts of culture among local community in Sabah. This is among reasons why coffins are carved in form of figures or carved images. Motifs often use are floral, zoomorphic, geometric, stylistic and anthropomorphic. This paper however focuses on human motif. Among aspect discuss here are typology of decorations and its meaning. These particular motifs thus are clear and allow implicit meaning carried by the sculptor. Hence, the most significant aspect of this study is to look at the relation between local community and the decorations. As the result, this paper finds there is close link between the sculptures and the way of life of the practitioners. In other word, the carvings are assuming as written records on their history, philosophy, value system, and their way of thinking. Therefore, this study highlights major contribution in interpreting the history of certain indigenous communities in Sabah before the arrival of Western powers.

---

**Keyword:** log coffin, motif, Sabah

## Pengenalan

Keranda kayu balak merupakan salah satu wadah pengebumian kuno di Sabah semenjak 1300 tahun dahulu (Chia 2010 dan Yunus Sauman 2015). Tradisi yang sinonim dengan masyarakat Orang Sungai dan Subpan ini juga merupakan satu-satunya tinggalan arkeologi yang masih jelas boleh dilihat di beberapa tapak pengebumian di pantai timur Sabah khususnya di Kinabatangan, Lahad Datu dan Semporna. Memandangkan ia digunakan sebagai wadah pengebumian yang utama pada zamannya maka keranda kayu balak dibuat bukan sahaja disertai dengan pelbagai adat, ritual dan pantang larang tetapi ia juga dibina dengan seni (Yunus Sauman 2015). Justeru pada bahagian luar penutup keranda kayu balak, kelihatan pelbagai jenis motif ukiran sama ada secara pahatan gambar ataupun dalam bentuk figura. Kesemua motif tersebut mempunyai maknanya yang tersendiri sama ada kepada individu ataupun kepada masyarakatnya. Oleh yang demikian, artikel ini adalah untuk membincangkan salah satu jenis motif ukiran polahias keranda di Sabah iaitu motif manusia.

Untuk membincangkan aspek tersebut, pengkaji telah membuat penelitian terhadap kesemua keranda kayu balak kuno yang terdapat di Sabah sama ada yang masih berada secara insitu di tapak pengebumian mahupun keranda yang telah dialihkan dan disimpan di Muzium Sabah dan Pusat Informasi Agop Batu Tulug di Kinabatangan. Memandangkan tradisi ini masih berterusan sehingga kini, pengkaji juga telah membuat penelitian terhadap keranda kayu balak moden sebagai usaha untuk melihat perubahan yang berlaku. Aspek yang diberi perhatian dalam penelitian tersebut ialah jenis dan tipologi bentuk, posisi peletakan motif, hiasan atau pelengkap motif manusia dan juga aspek pengelompokan keranda. Memandangkan kawasan kajian amat luas dan sesetengah tapak pengebumian keranda sukar untuk dicapai maka penelitian lapangan kami memakan masa lebih daripada setahun.

Sebagai pengenalan, kajian arkeologi di Sabah telahpun bermula semenjak akhir abad ke-19 lagi tetapi hanyalah sekadar pelaporan penemuan semata-mata dan tiada kesungguhan daripada pihak kerajaan berpiagam ketika itu untuk meneruskannya. Kajian arkeologi mulai rancak pada tahun 60an apabila Tom dan Barbara Harrisson menjalankan beberapa ekspedisi arkeologi di Sabah termasuklah terhadap tapak pengebumian keranda kayu balak. Hasilnya, mereka telah menerbitkan banyak artikel (Harrisson and O.T. Bambi bin Ungap 1964) yang dimuatkan dalam Sarawak Museum Journal dan juga sebuah buku *The Prehistory of Sabah* (Harrisson & Harrisson 1969/70). Selain daripada usaha Tom dan Barbara Harrisson, terdapat juga usaha yang dilakukan oleh Barbara bersama Michel Chong (1965) tetapi tidak memberi impak yang besar. Penyelidikan arkeologi yang dilakukan oleh Peter Bellwood (1988 dan 1989) dengan kerjasama Jabatan Muzium Sabah pada tahun 80an juga tidak menyentuh objek keranda kayu balak secara khusus. Sehingga pada penghujung tahun 90an apabila Yunus Sauman (2002) membuat kajian terhadap objek budaya tersebut. Itupun hanya terbatas kepada keranda kayu balak yang terdapat di Gua Batu Tulug sahaja. Justeru artikel ini adalah antara sintesis kepada hasil penelitian terhadap semua keranda kayu balak yang terdapat di Sabah.

## Tipologi polahias motif manusia

Pada asasnya, motif anthropomorfik merujuk kepada motif yang menyerupai manusia dan seringkali dijadikan sebagai motif polahias keranda kayu balak di Sabah khususnya di Kinabatangan dan Segama. Cara motif ini disusun juga adalah sama seperti motif lain iaitu tidak mempunyai rukun atau syarat tertentu. Ia bebas diletakkan di mana-mana bahagian pada penutup keranda bergantung kepada kehendak si pengukir. Bentuk motif manusia yang dihasilkan juga tidak semestinya sempurna dan benar-benar menyerupai manusia kerana beberapa kes di Agop Sawat, Batu Tulug, Kinabatangan menunjukkan bahawa motif manusia yang digunakan telah pun distailistikkan. Jenis bentuk dan ragam polahias motif manusia yang digunakan di tapak pengebumian di Kinabatangan dan Segama adalah seperti berikut;


- a) Motif manusia sedang mengangkat tangan ke atas seperti sedang berdoa.  
Motif seperti ini terdapat pada keranda-keranda di Agop Sawat, Batu Tulug, Kinabatangan (Yunus Sauman, 2002). Ia juga terdapat pada sebuah keranda di Agop Kuala Sungai Kalisun (Yunus Sauman 2001). Motif seperti ini juga merupakan jenis motif yang secara relatifnya paling ringkas jika dibandingkan dengan motif manusia yang lain. Ia hanya tergambar melalui garis kasar dan

Penyelesaian:


tidak dapat diketahui jantinya. Di bawah kategori ini, terdapat 3 jenis bentuk iaitu (I) garis kasar berseorangan dan mempunyai objek yang diletakkan di atas kepalanya. Jenis kedua (II) merupakan variasi kepada jenis pertama cuma disusun secara bertingkat dan dilengkapi dengan hiasan lingkaran pucuk paku di kiri dan kanannya. Kedua-dua jenis ini ditemui di tapak Agop Sawat, Batu Tulug. Jenis yang ketiga ialah jenis garisan berkembar tetapi masih dalam kategori *simple*. Lihat rajah 1 di bawah.



Jenis I




Jenis II



Jenis III


Rajah 1

- b) Motif manusia yang juga sedang mengangkat tangan tetapi lebih sempurna berbanding Jenis I, II dan III di atas kerana jenis ini lebih lengkap dengan bahagian kepala yang mempunyai kening, mata, mulut dan 'janggut,' kedua belah tangan, badan, kedua belah kaki dan mungkin kemaluan. Ini menunjukkan bahawa ia adalah seorang lelaki. Motif ini dijumpai pada sebuah keranda di AgopTalaie 1, Batu Supu bersama-sama dengan motif buaya, labi-labi dan ular. Lihat rajah 2.



Rajah 2

- c) Motif manusia sedang duduk dan memakai mahkota. Motif ini dijumpai di Agop Talaie 1, kompleks Batu Supu, Kinabatangan. Pengkaji berpendapat ia merupakan gambaran seorang 'raja' seterusnya mencerminkan kedudukan simati sebagai seorang ketua suku atau pemerintah setempat. Ini adalah kerana hanya sebuah keranda sahaja yang mempunyai motif manusia di tapak tersebut. Motif ini dilengkapi dengan motif pokok paku-pakis di bahagian atas kepalanya yang seolah-olah berfungsi sebagai mahkotanya. Selain daripada itu di bahagian kiri dan kanannya juga dihiasi dengan motif lingkaran pucuk paku dan sambil duduk di atas pelana. Seperti motif b), motif ini juga diperlihatkan dengan bahagian kemaluan lelaki seperti yang digambarkan dalam rajah 3.



Rajah 3

- d) Motif manusia yang sedang memikul tempayan di sebelah kanannya sambil tangan kirinya terjatuh ke bawah. Bahagian badannya hanya mempunyai 4 garisan seperti tulang ikan yang mungkin merupakan corak tulang rusuknya. Motif ini mempunyai bahagian kepala yang bermata dan mulut. Di atas bahu kirinya pula telah diletakkan satu polahis motif lingkaran pucuk paku. Lihat rajah 4 dan 5. Kedua-dua motif ini pada asasnya adalah sama, Cuma berbeza pada tempayan di mana motif pada rajah 5, tempayannya lebih jelas dan sempurna.




Rajah 4



Rajah 5

- e) Motif seseorang yang sedang memikul anak di bahu kanannya sementara tangan kirinya menjinjing sebuah tembikar secara terbalik. Berdasarkan kepada ciri-ciri anak tersebut iaitu mempunyai anting-anting dan perhiasan kepala, ia adalah perempuan. Motif ini mempunyai satu garisan panjang yang membahagikan tubuh manusia ini kepada 2 bahagian iaitu kiri dan kanan. Rambutnya yang terpacak tidak semestinya menggambarkan ia adalah wanita. Bahagian badan motif manusia ini juga mempunyai ukiran tulang rusuk. Lihat rajah 6.




Rajah 6

- f) Motif manusia memikul tempayan di bahu kanan sambil menjinjing kepala manusia di tangan kirinya. Motif ini jugadilengkapi dengan polahias pusran bertitik tengah di sebelah kirinya di samping terdapat juga motif pucuk paku. Berdasarkan kepada ciri motif manusia ini, ia adalah lelaki berdasarkan kepada perhiasan di kepalanya, mungkin bulu burung yang melambangkan




pakaian para pahlawan masyarakat asli Borneo. Bahagian badannya tidak diukir dengan tulang rusuk sebaliknya diukir dengan pakaian seorang pahlawan. Lihat rajah 7.




Rajah 7

- g) Motif manusia di sisi cicak ataubuaya yang distailistikkan. Terdapat 2 jenis motif seperti ini seperti pada Rajah 8 dan 9. Kedua-dua motif memperlihatkan ciri-ciri asas yang sama iaitu manusia berdiri di sebelah kiri seekor cicak atau buaya. Apa yang membezakan keduanya ialah kedudukan tangan dan corak polahias di bahagian badan dan kaki. Selain daripada itu kelihatan anting-anting atau subang untuk Rajah 9.



Rajah 8



Rajah 9

- h) Motif manusia memegang kaki burung di kedua-dua belah tangannya.

Selain daripada itu terdapat juga motif yang menggambarkan manusia sedang berdiri dengan kedua-dua belah tangannya terdapat seekor burung. Terdapat 2 jenis motif seperti ini seperti yang digambarkan dalam Rajah 10 dan 11. Pada dasarnya motif ini adalah sama kerana kedua-duanya adalah wanita berdasarkan kepada perhiasannya iaitu anting-anting yang dipakai dan tiada tanda kemaluan lelaki. Namun begitu keduanya dibezakan oleh corak yang diletakkan pada badan motif tersebut. Motif manusia pada Rajah 10 hanya mempunyai motif pucuk rebung di bahagian badannya sama seperti yang diletakkan pada motif burung di atasnya sementara motif manusia dalam Rajah 11 mempunyai corak anak tangga sama seperti corak pada motif burung yang ada di tangannya.



Rajah 10



Rajah 11

### Makna Perlambangan Motif Manusia

Berdasarkan kepada bentuk motif manusia dan kombinasinya dengan motif-motif yang lain pada keranda kayu balak di Kinabatangan dan Segama menunjukkan bahawa ia sebenarnya merupakan data sejarah yang tidak bertulis. Fungsinya sebagai sebuah rekod sejarah adalah sama seperti mana motif yang terdapat pada artifak logam gendang gangsa Dongson yang dijumpai di banyak tempat di Asia Tenggara. Ia juga sama seperti ukiran yang terdapat di dinding-dinding candi seperti Candi Borobudur di Jawa dan Angkor Wat di Kemboja. Malah tidak keterlaluan jika fungsinya pengkaji samakan dengan lukisan dan

ukiran kuno zaman Firaun yang terdapat di dinding-dinding piramid di Mesir. Ini adalah kerana melalui ukiran motif manusia pada keranda-keranda kuno di Lembah Kinabatangan dan Segama ini kita dapat mengetahui beberapa perkara yang berlaku dalam masyarakat yang juga merupakan sebahagian daripada tradisi mereka seperti berikut;

i) Mereka mengamalkan tradisi memburu kepala.

Amalan memburu kepala puak lain yang dianggap sebagai musuh ini merupakan satu tradisi yang tidak boleh disangkal dalam kalangan masyarakat pribumi di Borneo seperti masyarakat Iban, Murut dan Dusun (Phelan 2001). Dalam hal ini tidak terkecuali masyarakat Dusun Sungai dan Subpan di Kinabatangan dan Segama. Amalan memburu kepala ini pernah direkodkan oleh kerajaan British North Borneo Chartered Company semasa pemerintahannya. Sebagai contoh pada tahun 1885 (*BNBH* 1889) kerajaan syarikat telah melaporkan usaha perdamaian antara 2 suku kaum di ulu Kinabatangan di antara suku Makiang dan Rumanau. Ini berpunca daripada dendam dan hutang kepala manusia.

Kes memburu kepala di Segama juga pernah dikisahkan oleh Datu Baginda bin Rumakoi (temuramah 2008). Beliau merupakan ketua adat masyarakat Subpan di Segama. Menurut beliau, pada awal abad ke-20, sekumpulan masyarakat Kenyah dari Kalimantan telah datang ke Segama dan menyerang penduduk Subpan untuk mendapatkan kepala manusia. Dalam peperangan ini ramai orang Subpan terbunuh dan tidak kurang juga dalam kalangan orang Kenyah yang turut terbunuh.

Kedua-dua contoh di atas memperlihatkan betapa amalan berperang dalam kalangan suku etnik di Borneo khususnya di Kinabatangan dan Segama untuk mendapatkan kepala manusia merupakan satu fenomena yang lumrah. Ini adalah kerana keperluan untuk mendapatkan kepala manusia dari kumpulan etnik yang lain ini merupakan satu kemestian kepada para lelaki sebagai tanda kedewasaan, kematangan dan kepahlawanan. Pada zaman tradisional, tatu yang terdapat di badan para lelaki dalam kalangan masyarakat Dusun Sungai dan Subpan merupakan tanda bahawa mereka telahpun berjaya memperoleh sekurang-kurangnya satu kepala musuh.

Sifat gagah dan gelaran pahlawan ini sangat penting dalam masyarakat mereka kerana mereka berada dalam masyarakat yang berpuak-puak dan saling memperagakan kekuatan masing-masing. Selain daripada itu pengiktirafan sebagai pahlawan melalui pemilikan kepala musuh oleh masyarakat setempat sangat penting bagi seseorang sebagai bekalan untuk membina satu unit keluarga baru kerana seseorang pahlawan diyakini mampu untuk menjaga isteri dan anak-anak serta ibu bapanya dan ibu dan bapa mertuanya. Justeru itu, kepala musuh yang telah dipenggal dijadikan sebagai salah satu daripada hantaran perkahwinan dalam masyarakat tradisional di Kinabatangan dan Segama di samping beberapa objek lain seperti tempayan dan keranda kayu balak. Sebab itulah bila wujudnya motif manusia yang memegang kepala manusia pada keranda kayu balak mereka, itu sebenarnya merupakan perakaman sumber yang tidak bertulis tentang sebahagian kehidupan mereka.

ii) Kepala manusia yang diburu bersama dengan tempayan merupakan barangan berprestij dan dijadikan sebagai sebahagian daripada hantaran perkahwinan.

Tafsiran ini digambarkan melalui satu ukiran motif yang menunjukkan bahawa seorang jejaka sedang memikul sebuah tempayan di bahagian kanannya dan menjinjing sebutir kepala manusia di tangan kirinya. Motif ini terdapat pada salah sebuah keranda di Agop Samang Buat 2 di Segama. Dalam kalangan masyarakat tradisional di Kinabatangan dan Segama, mereka mempunyai tradisi membawa hantaran pada hari perkahwinan. Barang-barang hantaran itu mestilah barangan yang berprestij atau dianggap sangat bernilai dalam masyarakat seperti tempayan, gong, alat-alat senjata dan kepala musuh yang diperolehi semasa perang. Selain daripada itu binatang ternakan dan buruan juga dibawa bersama. Dalam tinjauan etnografi pengkaji terhadap adat perkahwinan masyarakat Dusun Sungai di Kampung Langga, ulu Pinangah pada tahun 2010, terdapat sebanyak 60 buah tempayan yang berisi tapai dibawa oleh rombongan lelaki ke rumah pengantin perempuan sebagai sebahagian daripada hantaran perkahwinan. Sebahagian daripadanya dihantar



beberapa hari sebelum majlis keramaian dijalankan dan selebihnya dibawa pada hari perkahwinan mereka.

Dalam rekod kerajaan BNCC (*BNBH* 1889) menunjukkan bahawa antara barangan yang dijadikan sebagai bahan ganti kepada jumlah hutang kepala manusia di antara suku Makiang dan Rumanau di Kinabatangan ialah tempayan, gong dan alatan senjata. Begitu juga dengan persetujuan perdamaian antara suku Rumanau dengan Mangkaak pada tahun 1953 (Beresford-Pierse 1954). Ini membuktikan dengan jelas bahawa objek tempayan merupakan salah satu objek mewah dalam masyarakat tempatan. Kewujudan dan kepentingan objek mewah ini dalam masyarakat tempatan di Kinabatangan dan Segama dirakamkan dalam pengukiran keranda kayu balak mereka sebagai salah satu daripada polahiasnya.

iii) Wujud tradisi menjunjung anak kecil.

Menjunjung anak dengan meletakkannya di atas bahu merupakan salah satu kaedah membawa anak-anak kecil dalam kalangan masyarakat tempatan di Kinabatangan dan Segama. Namun kaedah ini bukanlah satu-satunya cara yang digunakan kerana selain daripada menjunjung anak mereka juga menggendong dan menyikut dengan menggunakan kain ataupun raga yang diperbuat daripada rotan sama seperti kaedah yang digunakan oleh masyarakat Iban di Sarawak dan Kalimantan. Kewujudan motif menjunjung anak ini menunjukkan bahawa keranda kayu balak di Segama merupakan perakaman kepada sebahagian daripada kehidupan social masyarakat Dusun Subpan.

iv) Kewujudan *bobolian* (pawang) dan kepercayaan terhadap semangat burung.

Burung-burung tertentu sangat dipercayai oleh masyarakat Dusun Sungai dan Subpan sebagai mempunyai semangat. Binatang burung ini termasuk dalam senarai binatang yang dikategorikan sebagai *kadaat* (mesej dari Tuhan) di samping binatang lain seperti cicak, ular dan gonggok. Meskipun mereka tidak memuja semangat burung tetapi mereka sangat percaya kepada tanda-tanda yang dibawa oleh burung seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Sebab itulah dalam banyak perkara mereka sangat bergantung harap kepada rahmat yang diberikan oleh *kinorobingan* (Tuhan) melalui perantaraan semangat burung. Keyakinan mereka terhadap semangat burung ini diterjemahkan melalui larangan untuk memburu burung-burung *kadaat*.

Dalam hal kewujudan motif 2 ekor burung yang berada di atas kepala seorang wanita bersama senjata (lembing) pada salah sebuah keranda di Agop Samang Buat 2 ini menggambarkan tentang restu semangat burung terhadap simati sama ada terhadap aktiviti yang dilakukan olehnya semasa hayatnya ataupun terhadap kematiannya. Motif tersebut juga boleh membawa maksud bahawa simati merupakan seorang *bobolian*. *Bobolian* ialah insan yang dipercayai oleh masyarakat Dusun Sungai dan Subpan sebagai individu yang boleh berhubung dengan kuasa dan semangat ghaib termasuklah semangat burung. Sebab itulah *bobolian* seringkali menjadi rujukan oleh masyarakat setempat untuk mentafsir tanda-tanda alam yang berlaku di sekeliling mereka sama ada tanda-tanda yang dibawa oleh binatang, serangga, tumbuh-tumbuhan, bentuk-bentuk awan dan juga mimpi.

Kewujudan motif burung di samping binatang-binatang lain pada keranda kayu balak kuno di Kinabatangan dan Segama ini menggambarkan satu hakikat bahawa masyarakat pendukung tradisi ini merupakan masyarakat animisme yang sangat bergantung kepada tanda-tanda alam. Justeru, keranda kayu balak di Kinabatangan dan Segama ini sebenarnya berfungsi sebagai rakaman sejarah budaya masyarakat Dusun Sungai dan Subpan.

v) Wujud kepercayaan dan keyakinan terhadap kuasa ghaib dan alam selepas mati.

Sebagai satu kesinambungan daripada wujudnya kepercayaan mereka terhadap kuasa ghaib seperti semangat alam, roh-roh nenek moyang dan *Kinorobingan*, maka timbul persoalan bagaimana kaedah mereka memohon restu dan rahmat daripada *Kinorobingan* terhadap sesuatu pekerjaan dan perjalanan hidup. Dalam hal ini, antara kaedah yang digunakan ialah menadah tangan ke atas. Kaedah seperti ini merupakan kaedah sejagat yang dimiliki oleh manusia yang mempercayai bahawa Tuhan berada di langit. Dalam kepercayaan tradisional masyarakat Kadazandusun di

Sabah, meskipun mereka mempercayai semangat alam dan benda di sekeliling mereka tetapi mereka tetap mempercayai akan kewujudan *Kinorohingan* atau Tuhan yang tinggal di langit. Sebab itulah bentuk motif manusia yang diukir pada keranda di Agop Sawat, Batu Tulug, Agop Talaie 1 dan Agop Kuala Sungai Kalisun itu adalah berbentuk manusia yang menadah tangan ke atas.

Gambar manusia berbentuk menadah tangan ke atas ini juga sebenarnya bukan hanya terdapat pada keranda-keranda di Kinabatangan dan Segama sahaja. Sebaliknya ia juga dapat dilihat pada lukisan manusia di dinding-dinding gua prasejarah di banyak tempat di Asia Tenggara seperti yang terdapat di Gua Batu Cincin di Ulu Kelantan (Adi Taha, 2000). Turisan prasejarah pada dinding batu kukup di Anggono, Filipina juga memperlihatkan bentuk motif manusia menadah tangan. Sebab itulah pengkaji menyatakan bahawa motif seperti ini merupakan motif sejagat khususnya dalam kalangan masyarakat pribumi di Asia Tenggara.

## Penutup

Motif manusia sebenarnya bukanlah satu-satunya jenis motif yang digunakan sebagai polahias keranda kayu balak kuno di Sabah. Ini adalah kerana, selain daripada motif manusia terdapat juga motif-motif lain seperti motif zoomorfik, flora dan geometrik. Adakalanya motif tersebut berdiri sendiri dan adakalanya digabungkan antara satu sama lain. Begitu juga dengan cara membacanya, boleh dengan hanya melihat motif tersebut secara bersendirian dan adakalanya perlu membaca motif tersebut bersama-sama dengan motif lain yang dihadirkan bersama. Walauapapun tafsiran seperti yang dinyatakan di atas, ia tetap berpaksi kepada satu pendirian yang sama iaitu motif tersebut mempunyai signifikansi yang sangat penting kepada masyarakat Dusun Sungai dan Subpan di Kinabatangan dan Segama. Ia bukan sahaja menggambarkan tentang pencapaian seni ukir mereka tetapi lebih jauh daripada itu ia merupakan cerminan kepada falsafah dan cara fikir mereka. Justeru, keranda kayu balak di Sabah ini sangat penting untuk dijaga dan dipelihara sebagai satu warisan yang sangat berharga kepada generasi akan datang.

## Rujukan

- Adi Taha. 2000. *Archaeological Investigation in Ulu Kelantan, Malaysia*. Ph.D. Thesis. Canberra: Australian National University.
- Bellwood, Peter. 1988. *Archaeological Research in South-eastern Sabah*. *Sabah Museum Monograph*, Vol. 2, Kota Kinabalu: Sabah Museum and State Archives.
- Bellwood, Peter. 1989. *Archaeological Investigation at Bukit Tengkorak and Segarong, Southeastern Sabah*. *Bulletin of The Indo-Pacific Prehistory Association*, No. 9, Australian National University.
- Beresford-Pierce, R.H.W. 1954. *Settlement of a tribal dispute in North Borneo*. *JMBRAS*. Vol. XXVII. Part 1. *BNBH*. 1<sup>st</sup> Mei 1889.
- Chia, S. and Peter Koon. 2003. *Recent Discovery of an Ancient Log Coffin in Semporna, Sabah*. *Sabah Society Journal* 20.
- Dransfield, John. 1984. *The Rattans of Sabah*. Sabah Forest Record, No. 13. Sandakan: Jabatan Perhutanan Sabah.
- Harrison, Barbara and O.T. Bambi bin Ungap. 1964. "Tapadong-700 years old cave history in Sabah." *SMJ (New Series)*, Vol. II, No. 23-24.
- Harrison, Barbara and Michael Chong. 1965. "Stories from Kinabatangan caves, Sabah". *SMJ (New Series)*. Vol. 12, No. 25-26.
- Harrison, Barbara. 1960. *Marker devices in east Sabah burial caves*. *SMJ (New Series)*, 13(27).
- Harrison, Tom & Barbara. 1969/70. *The Prehistory of Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah Museum.
- Harrison, Tom. 1972. *The prehistory of Borneo*. *Asian Perspectives*. Vol. XIII.
- Phelan, Peter R. 2001. *Head-hunting and the Magang Ceremony in Sabah*. Kota Kinabalu: Natural History Publications.
- Yunus Sauman Sabin. 2001. *Tapak Pengebumian Purba di Lembah Danum, Hulu Segama, Sabah: Satu Tinjauan*. *Jurnal Persatuan Muzeum Malaysia* 20.
- Yunus Sauman Sabin. 2002. *Kajian Arkeologi Di Lembah Kinabatangan, Sabah Dengan Tumpuan Kepada Gua Batu Tulug*. Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Yunus Sauman Sabin. 2015. Tradisi Pengebumian Keranda Kayu Balak Di Sabah Dari Perspektif Etnoarkeologi. Tesis PhD. ATMA, UKM. Bangi.

YunusSauman Sabin, Phd.  
Pensyarah  
Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
UPSI, Tanjong Malim, Perak  
Email: [yunus.sauman@fsk.upsi.edu.my](mailto:yunus.sauman@fsk.upsi.edu.my)

Adnan Jusoh, Phd.  
Prof Madya  
Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
UPSI, TanjongMalim, Perak  
Email: [adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my](mailto:adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my)

Wan Noorlizawati Wan Mat Ali  
Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,  
UPSI, TanjongMalim, Perak  
Email: [noorlizawati@fsk.upsi.edu.my](mailto:noorlizawati@fsk.upsi.edu.my)

ZuliskandarRamli, Phd.  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),  
UKM, Bangi, Selangor  
Email: [ziskandar@ukm.edu.my](mailto:ziskandar@ukm.edu.my)